

TARIKH	13 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	20	RUANGAN	Ekonomi

TH jangka dividen tinggi

KUALA LUMPUR 12 Julai - Embaga Tabung Haji (TH) dijangka apat mengagihkan dividen tinggi tahun ini kepada pendepositnya susulan pulangan menarik daripada pelaburan ditambah dengan hasil daripada penjualan pegangannya dalam syarikat perladangan di Indonesia.

Ini mencerminkan usaha keras TH untuk memastikan modal pendeposit terus dilindungi dan dalam masa yang sama memberikan pulangan berbaloi dengan mereka, kata Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail (**gambar**).

Beliau memberitahu *Bernama* dalam satu temu bual baru-baru ini bahawa TH akan memastikan semua pelaburan yang dibuat akan membuahkan hasil bagi mereka dan

endeposit mereka pada penghujung harinya kelak.

"Tahun lepas, kami mengisytiharkan dividen enam peratus (dan) harapkan, tahun ini,

kami boleh mengekalkan prestasi kami. Kami berusaha keras untuk memastikan wang pendeposit TH, modal, dilindungi dan memastikan mereka mendapat pulangan yang baik bagi simpanan mereka," katanya.

Pada Februari 2012, terdapat seramai 6.9 juta pendeposit dalam TH.

Pulangan tinggi daripada pelaburan telah membolehkan TH terus menyerap sebahagian daripada kos mengerjakan haji bagi rakyat Malaysia yang meningkat setiap tahun disebabkan faktor-faktor luar yang berbeza, kata Ismee.

"Alhamdulillah, dalam beberapa tahun lepas, kami telah memberikan subsidi kepada jemaah haji. Kami berupaya berbuat demikian disebabkan pulangan baik daripada pelaburan kami," katanya.

Tahun ini, katanya, subsidi bagi setiap jemaah telah meningkat kepada RM5,175 daripada RM4,320 tahun lepas disebabkan peningkatan kos penginapan, pengangkutan dan kos berkaitan, namun pendeposit TH yang mengerjakan haji kali pertama dikenakan bayaran RM9,980 bagi pakej haji, kadar yang tidak pernah berubah sejak 2009.

"Dalam kursus haji, kami sentiasa menaaklumkan kepada mereka: sekiranya anda pertama kali pergi dan mengikut muassasah (perkhidmatan pakej biasa), ini adalah jumlah yang TH bantu. Sedikit sebanyak

pulangan tinggi daripada pelaburan kami memberi faedah langsung kepada jemaah haji," katanya.

Beliau berkata, pelaburan hartanah TH di Mekah juga merupakan strategi jangka panjang untuk mengurangkan kos mengerjakan haji kerana ia boleh menggunakan pulangan daripada pelaburan sebagai subsidi silang.

Mengenai cadangan penjualan 95 peratus pegangan TH dalam PT TH Indo Plantations yang bernilai RM3 bilion, Ismee berkata, pembeli telah diberikan tempoh sehingga akhir Ogos untuk menyiapkan proses kajian terperinci.

"Sudah tentunya, dengan jualan itu, ia akan menjadi butiran luar biasa bagi tahun ini dan jelas sekali, kami akan memperoleh keuntungan besar daripada urusi niaga ini. Kami akan mengisytiharkan sebagai dividen kepada pendeposit, (sudah pastinya) ia akan diterjemahkan kepada dividen tinggi," katanya.

TH pertama kali membeli pegangan itu pada 1997 dengan harga antara RM800 juta hingga RM1 bilion. - **BERNAMA**

